



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 16 / 2022

**“ALERT”**: Kekayaan seni persembahan yang sarat falsafah dan jarang ditonjolkan menjadi intipati utama Festival Kota Selatan 2022. Gabungan kesenian tiga (3) negeri selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan) mampu mempromosikan keunikan budaya tersendiri.

## **FESTIVAL KOTA SELATAN “TEMASYA SENI BUDAYA RAKYAT SELATAN SEMENANJUNG MALAYSIA”**

**Melaka, 7 Ogos 2022** - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Johor beserta gandingan rakan strategik NGO Melaka iaitu Pertubuhan Seni Kesidang Sari (PERSIDANG) dan Persatuan Rebana Keras Klebang Besar Melaka telah berganding bahu bagi menjayakan satu lagi Program Pelancongan Budaya iaitu Festival Kota Selatan (FKS 2022) yang akan dilaksanakan pada 6 dan 7 Ogos 2022 ini bertempat di Dataran Sungai Melaka, Menara Taming Sari dan Jonker Walk, Melaka Bandaraya Warisan Dunia.

Bertemakan “Temasya Seni Budaya Rakyat Selatan Semenanjung Malaysia”, festival ini mengetengahkan pelbagai aktiviti berteraskan seni budaya dan warisan merangkumi aspek keusahawanan, gaya hidup dan pencungkilan bakat muda negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor yang mewakili negeri-negeri selatan Semenanjung Malaysia.

Program ini juga adalah sebagai sebahagian daripada acara sambutan Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNESCO. Berikut merupakan lima (5) pengisian menarik **FKS 2022** :-

- i. Malam Gala Kota Selatan Vaganza
- ii. Pertandingan Peragaan Busana Melaka Zaman Gemilang
- iii. Persembahan Sentuhan Selatan / Showcase Seni Budaya – Kesenian rakyat Melaka, Negeri Sembilan dan Johor
- iv. Pertandingan “Sarung Kita” Senam Seni bersama Batik Sarung Malaysia; dan
- v. Pertarungan Joget & Zapin

Antara Kumpulan Persembahan yang terlibat menjayakan Malam Gala FKS2022 ialah Kumpulan Kesenian JKKN Melaka, Negeri Sembilan dan Johor, Kombo Kumpulan Kesenian Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Kumpulan Muzik Asli Institut Warisan Melaka (INSWA) dan Gabungan Badan Seni Budaya Bukan Kerajaan Negeri Melaka yang turut menampilkan Pertubuhan Seni Kesidang Sari (PERSIDANG), Kumpulan Tarian Singa Jonker Walk, Kumpulan Komuniti Chitty Kampung Gajah Berang, Melaka, Persatuan Baba Nyonya, Kumpulan Kesenian Perkampungan Portugis, Ujong Pasir, Melaka, Persatuan Dondang Sayang Negeri Melaka, Persatuan Rebana Keras Klebang Besar, Persatuan Bhangra Melaka, Persatuan Silat Gayung Fatani Melaka, Pusat Warisan dan Kebudayaan Melayu Melaka (PERANTARA).

Apa yang lebih menarik, FKS2022 yang diadakan secara fizikal dan bergilir mengikut negeri-negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor ini berjaya menyerlahkan apresiasi kesenian rakyat di wilayah masing-masing di samping mempromosikan keunikan budaya menerusi seni persembahan, seni busana, loghat daerah serta kepelbagaian adat resam rakyat selatan semenanjung Malaysia.

“FKS 2022 diharapkan dapat menemukan idea dan medan pertemuan baharu para karyawan dan semua yang terlibat dalam sektor seni budaya dan warisan di seluruh Malaysia dalam usaha merencanakan dan memacu sektor industri budaya, warisan dan pelancongan untuk disepadukan sebagai salah satu bentuk ekosistem ekonomi dan perdagangan yang baharu hasil gabungan antara usaha melestarikan kandungan seni, budaya, warisan di samping usaha memupuk generasi muda bersekali dalam sektor terbabit”. Kata Haji Mesran bin Mohd Yusop, Ketua Pengarah JKKN dalam kenyataannya hari ini.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](http://www.facebook.com/mysenibudaya).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya  
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Mohd Faiz bin Nawawi Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:faiz@jkkn.gov.my">faiz@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 011-3210 6486
--	---



## LAMPIRAN

BIL.	ACARA	TARIKH & TEMPAT
i.	<p><b>Malam Gala Kota Selatan Vaganza</b></p> <p><b><u>Sinopsis</u></b>                      Merupakan Acara Kemuncak FKS 2022 adalah persembahan berkonsepkan konsert teatrikal yang menggabungkan elemen kesenian rakyat dan tradisional masyarakat selatan semenanjung Malaysia (Melaka, Negeri Sembilan dan Johor) dengan penggunaan elemen teknologi dan inovasi dalam persembahan seperti cahaya, bunyi dan gerak.</p> <p>Malam Gala turut menggabungkan garapan kreatif kesenian dondang sayang, kearifan tempatan iaitu seni berbahasa pantun serta persembahan muzik yang mendasari elemen seni budaya masyarakat selatan seperti muzik dondang sayang (Melaka), Ghazal dan Samrah (Johor) serta paluan cak lempong (Negeri Sembilan) dimainkan secara serentak mengandungi medley lagu-lagu rakyat ketiga-tiga negeri yang terlibat.</p> <p>Persembahan dengan nuansa seni budaya dan elemen moden diserikan pula dengan kehadiran artis popular seperti <b>Hael Husaini</b> yang akan mempersembahkan lagu Mantera Semerah Padi dan Kelentang Kelentung, <b>Asmidar</b> yang akan berduet dengan <b>Datuk Baharim Md. Sharif</b> Tokoh Warisan Orang Hidup dengan rangkaian lagu Dondang Sayang dan Medley Joget yang menggambarkan Melaka di samping gabungan tari etnik Melaka seperti Baba Nyonya, Chetti dan Portugis manakala <b>Rojer</b> dan <b>Ramlah Ram</b> akan berduet menyanyikan seleksi rangkaian Johor sementara <b>Waris</b> pula akan mempersembahkan rangkaian lagu-lagu rakyat Negeri Sembilan dengan tingkahan Cak Lempong di samping rangkaian lagu tradisional dan popular dengan gabungan</p>	<p><b>7 Oktober 2022 (Ahad)</b></p> <p><b>8.30 malam – 10.30 malam</b></p> <p><b>Pentas Utama "Magic of The Night", Dataran Sungai Melaka</b></p>

	<p>muzik tradisional seperti ensemble dondang sayang, ghazal dan cak lempong beserta muzik kombo dalam segmen-segmen seperti Teatrikal Silat, Joget Ekstravaganza, Zapin Fusion dan Randai Groove.</p> <p>Modifikasi irama adalah selari denganelemen tradisional yang kaya falsafah. Malah persembahan rakyat bagi setiap segmen diserikan pula dengan Kumpulan Kesenian JKKN Negeri Melaka, Negeri Sembilan serta Johor bersama-sama NGO negeri-negeri yang terlibat.</p>	
ii.	<p><b>Pertandingan Peragaan Busana Melaka Zaman Gemilang</b></p> <p>Mengambil inspirasi dari era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka; pertandingan ini adalah garapan kreatif setiap model yang memasuki pertandingan berusia 15 tahun ke atas dan boleh menceritakan inspirasi yang digayakan mereka mengikut tokoh di era yang dipilih.</p> <p>Para peserta juga bebas memilih inspirasi berasaskan tokoh-tokoh zaman kegemilangan Melaka sama ada Hang Tuah, Tun Fatimah, Hang Li Poh, Laksamana Cheng Ho (Sekadar menyebut beberapanama) dan ramai lagi tokoh yang berkaitan dengan Sejarah Melaka.</p>	<p><b>6 Ogos 2022 (Sabtu)</b></p> <p><b>10.00 pagi – 1.00 petang</b></p> <p><b>Menara Taming Sari</b></p>
iii.	<p><b>Persembahan Sentuhan Selatan / Showcase Seni Budaya – Kesenian rakyat Melaka, Negeri Sembilan dan Johor</b></p> <p>Persembahan Sentuhan Selatan adalah salah satu pengisian program dalam FKS 2022 bagi memeriahkan lagi sambutan sempena <b>Magic of The Night</b> dan menjelang Malam Gala di beberapa tempattumpuan pelancong di negeri Melaka. Persembahan sisipan ini akan melibatkan Kumpulan Kesenian JKKN Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.</p>	<p><b>6 Ogos 2022 (Sabtu)</b></p> <p><b>8.00 malam – 10.30 Pentas Jonker Walk malam</b></p>

iv.	<p><b>Pertandingan “Sarung Kita” Senam Seni bersama Batik Sarung Malaysia.</b></p> <p>Penyertaan adalah TERBUKA sama ada secara individu mahupun perseorangan. Pertandingan ini akan diselaraskan oleh Kraftangan Malaysia dan Kraftangan Melaka bersama-sama JKKM Melaka, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, IPTA dan IPTS Negeri Melaka, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka.</p> <p>Program ini bertujuan mempromosikan pemakaian BATIK MALAYSIA dan SENAM SENI MALAYSIA. Secara tidak langsung mendidik generasi muda Malaysia mengenali pemakaian BATIK SARUNG MALAYSIA. Selepas senaman turut diadakan acara gotong-royong membersihkan pesisiran Sungai Melaka dan mendidik masyarakat mencintai sungaiserta menghargai alam sekitar.</p>	<p><b>7 Ogos 2022 (Ahad)</b></p> <p><b>7.45 pagi – 11.00 pagi</b></p> <p><b>Pentas Utama “Magic of the Night”, Dataran Sungai Melaka.</b></p>
v.	<p><b>Pertarungan Joget &amp; Zapin</b></p> <p>Penyertaan adalah TERBUKA kepada rakyat Malaysia berumur 13 tahun ke atas. Satu KUMPULAN terdiri daripada 6 orang artis (Minimum). Terdapat (2) pusingan dalam pertandingan ini. Iaitu Pusingan Pertama ialah Persembahan Kumpulan manakala Pusingan Kedua ialah Pertarungan (Battle) antara (2) kumpulan. Gerak tari yang dibenarkan ialah Joget dan Zapin sahaja termasuk gerakan kreasi dan kreatif namun mempunyai asas atau elemen zapin dan joget. Kumpulan perlu menyediakan lagu sendiri dengan format MP3 (pendrive atau CD sahaja). Pertandingan ini diselaraskan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.</p>	<p><b>7 Ogos 2022 (Ahad)</b></p> <p><b>10.30 pagi – 3.00 petang</b></p> <p><b>Menara Taming Sari</b></p>

